

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga tersebut tidak akan dipertimbangkan.

1. **KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUTHARGA**

1.1. Kontraktor yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang **220401 - Mencuci Bangunan Dan 220402 - Membersih Kawasan**. Salinan surat Pendaftaran Kontraktor hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

2. **PEMILIHAN**

Kontraktor boleh membuat tawaran mengikut alamat pendaftaran Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia. Kontraktor yang berkelayakan akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Kerajaan juga berhak untuk tidak memilih tawaran tanpa memberi sebarang alasan.

3. **HARGA TAWARAN**

3.1. Harga-harga yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi dilampiran.

3.2. Harga-harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua kos pengangkutan, perkhidmatan, peralatan dan lain-lain yang bersangkutan dengan perkhidmatan ini.

3.3. Harga-harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku sebutharga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

4. **CAGARAN KESELAMATAN**

4.1. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 Lampiran 1 (kalusa 50.3), kontrak kerja bernilai kurang dari RM200,000.00 adalah tidak tertakluk kepada penyediaan Bon Pelaksanaan.

5. **POLISI INSURANS**

- 5.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO dalam masa empat belas (14) hari selepas penerimaan tawaran.
- 5.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

6. **TEMPOH SAHLAKU TAWARAN**

- 6.1. Tempoh sahlaku sebut harga ini ialah 90 hari bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

7. **SETUJU TERIMA**

- 7.1. Kerajaan tidak terikat mempersetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad. Jabatan tidak terikat untuk melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berkenaan sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.
- 7.2. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

8. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- 8.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberiu, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 8.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

- 8.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 8.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkeñaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

**PENGARAH,
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
DARUL EHSAN,
40676 SHAH ALAM.**

SYARAT – SYARAT KHAS

Syarat-syarat khas ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak:

1. **MAKLUMAT LATAR BELAKANG, KEWANGAN DAN PRESTASI KONTRAKTOR**

- 1.1 Kontraktor hendaklah mengambil maklum bahawa sebutharga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kontraktor untuk melaksanakan perkhidmatan, disamping kemunasabahan harga. Justeru itu keupayaan kontraktor akan dinilai semasa penilaian sebutharga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, tenaga kerja dan prestasi kerja semasa kontraktor.
- 1.2 Untuk membolehkan penilaian dibuat, kontraktor dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bersama-sama dokumen sebutharganya. Dokumen-dokumen ini sangatlah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat keatas kontraktor. Sekiranya kontraktor tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan, dokumen sebutharganya akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- 1.3 Sekiranya kontraktor gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen yang berkaitan, maklumat dan data-data yang tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidakcukupan dokumen tersebut penilaian keupayaan kontraktor dianggap tiada.
- 1.4 Semua borang-borang maklumat hendaklah diisi dengan maklumat yang benar dan data-data yang tepat.
- 1.5 Semua maklumat dan dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan oleh kontraktor bersama-sama dokumen sebutharga sebelum tarikh tutup sebutharga dan kontraktor tidak dibenarkan mengemukakannya selepas itu. Sebarang maklumat atau mana-mana dokumen yang diterima selepas sebutharga ditutup, tidak akan diambil kira dalam penilaian keupayaan kontraktor.
- 1.6 Sekiranya kontraktor didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (whithold) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negative terhadap keupayaannya, dokumen sebutharganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

2. **PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN KERAJAAN**
 - 2.1 Kontraktor adalah dikehendaki mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan yang berkuatkuasa semasa pelaksanaan kerja/perkhidmatan. Kegagalan didalam mematuhi akta, peraturan dan undang-undang tersebut sehingga dikenakan tindakan undang-undang, denda atau seumpamanya adalah di bawah tanggungjawab kontraktor sendiri.
3. **STATUS DAN BILANGAN PEKERJA**
 - 3.1 Semua pekerja yang dilantik hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan beragama Islam.
 - 3.2 Kontraktor hendaklah melantik pekerja bergaji tetap dengan kadar bilangan minima (4) empat orang termasuk seorang Penyelia bagi menjamin kesempurnaan kerja sepertimana diterangkan dalam penentuan kerja.
4. **KELENGKAPAN UNTUK PEKERJA**
 - 4.1 Pekerja-pekerja hendaklah berpakaian yang sesuai dan menjaga tingkahlaku mereka. Arahan Pegawai dalam hal ini adalah mutakhir dan beliau boleh membuat keputusan mengenainya berdasarkan norma-norma sepertimana pada kakitangan awam.
 - 4.2 Kontraktor adalah bertanggungjawab menyediakan semua peralatan, pengangkutan dan bahan-bahan yang hendak digunakan bagi perkhidmatan mencuci bangunan dan membersihkan kawasan ini.
5. **TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR DAN HAK KERAJAAN**
 - 5.1 Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk menjaga keselamatan nyawa pekerjaannya, orang awam dan segala harta di tapak dan bangunan sekitarnya. Sebarang kemudaratan kehilangan atau kerosakan yang melibatkan nyawa atau harta benda samada milik persendirian atau milik kerajaan akan dikenakan tuntutan yang munasabah ke atas kontraktor.
 - 5.2 Kerajaan adalah sentiasa berhak untuk memeriksa perkhidmatan yang dibuat oleh kontraktor. Kontraktor yang berjaya hendaklah memberi kemudahan kepada kerajaan untuk meneliti dan memeriksa kawasan di mana perkhidmatan ini dilaksanakan.
 - 5.3 Kerajaan berhak pada atau bila-bila masa menamatkan kontrak ini sekiranya didapati perkhidmatan yang diberi oleh kontraktor tidak memuaskan.
 - 5.4 Racun rumpai boleh digunakan tetapi mestilah mendapat kebenaran dari Pegawai terlebih dahulu.

- 5.5 Pegawai akan membuat perakuan terhadap kerja-kerja mencuci bangunan dan membersihkan kawasan institusi yang berkenaan setelah kerja-kerja siap pada tiap-tiap bulan.

6. WAKTU BEKERJA

- 6.1 Kontraktor adalah dikehendaki menjalankan kerja-kerja berikut seperti berikut:-
- Isnin hingga Jumaat - 7.45 pagi hingga 5.00 petang
- 6.2 Jika perlu pada cuti hari Sabtu dan Ahad (berdasarkan arahan pegawai yang bertugas jika terdapat kerja-kerja yang perlu dilaksanakan).
- 6.3 Jika cuti panjang, pekerja hendaklah datang untuk membuat kerja seperti biasa; atau mengikut skop perkhidmatan (cth: menyiram pokok setiap hari)
- 6.4 Pekerja yang menyapu dan membersihkan dikehendaki memulakan kerja seawal 7.00 pagi bagi membersihkan laluan utama bangunan.
- 6.5 Sekiranya terdapat majlis diadakan di luar waktu bekerja, kontraktor diminta berkerja bagi persiapan dan juga pelaksanaan majlis tersebut dan cuti ganti bolehlah diambil pada hari lain dan perlu diselaraskan oleh pihak kontraktor tanpa mengganggu operasi harian, persiapan atau pelaksanaan majlis. Pelarasan ini perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Penguasa.
- 6.6 Tiada pertambahan kos dibenarkan sekiranya pihak kontraktor bekerja di luar waktu bekerja biasa dan ia perlu dimasukkan ke dalam kos penyelenggaraan bulanan.

7. SPESIFIKASI KERJA

- 7.1 Kontraktor bertanggungjawab bagi **mengadakan pekerja, perkakasan** seperti tangga, mesin-mesin dan **lain-lain alat** yang diperlukan bagi melaksanakan kerja dengan sempurna.
- 7.2 Kontraktor adalah **dianggap telah melawat tapak kerja** dan mengetahui beban pekerjaan, jenis peralatan, mesin dan lain-lain lagi bagi kesempurnaan kerja kerana tuntutan perbelanjaan tambahan di atas kecuaiian pihak kontraktor tidak akan dipertimbangkan.
- 7.3 Pada asasnya kerja-kerja adalah untuk **membaja, merumput, menggembur, menyiram, meracun, mencantas, membersihkan dan menyapu, mencuci longkang serta memotong rumput.**

- 7.4 Semua kerja yang dijalankan hendaklah memberi kepuasan kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya dan penghuni bangunan. Potongan harga akan dibuat berdasarkan ringkasan harga tawaran sekiranya prestasi kerja yang dijalankan tidak memuaskan Pegawai Penguasa atau wakilnya dan penghuni kediaman. Sebarang perubahan skop kerja tidak dibenarkan kecuali atas kebenaran bertulis dari Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- 7.5 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua kecederaan pekerja, penghuni bangunan dan kerosakan kepada harta yang berlaku dari kecuaiannya sendiri. Kontraktor perlu sentiasa memberitahu Pegawai Penguasa atau wakilnya terhadap sebarang tuntutan berbangkit dari penyempurnaan kontrak ini.
- 7.6 Kontraktor dikehendaki mengganti semua kerosakan harta Kerajaan Negeri Selangor yang disebabkan oleh kelalaian atau kemalangan semasa melaksanakan kerja tersebut diatas perbelanjaan sendiri. Kontraktor juga akan bertanggungjawab diatas sebarang kehilangan atau kecurian yang berlaku semasa pekerja masih di kawasan bangunan.
- 7.7 Semua pekerja hendaklah dari **warganegara** dan dibekalkan dengan pakaian seragam dan mempunyai tandanama. Senarai nama serta nombor kad pengenalan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Penguasa untuk semakan.
- 7.8 Setiap pekerja dikehendaki mempunyai **kad kehadiran (punch card)** yang perlu diketip setiap kali hadir bekerja dan selepas bekerja. Peralatan tersebut hendaklah disediakan oleh pihak kontraktor dengan perbelanjaan sendiri. Jika kontraktor mendapati sukar menjalankan kerja diwaktu bekerja biasa kerana beberapa hal yang diluar kemampuannya, kontraktor adalah dibenarkan menjalankan kerjanya di luar waktu tersebut setelah mendapat kelulusan bertulis dari Pegawai Penguasa.
- 7.9 Kontraktor hendaklah menyediakan **jadual kerja** dan perlu diserahkan kepada Pegawai Penguasa untuk semakan. Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak mengubah atau meminda jadual kerja jika difikirkan perlu dengan tiada bayaran tambahan kepada kontraktor.
- 7.10 Jumlah pekerja hendaklah tidak kurang dari bilangan seperti di dalam jadual dan kontraktor hendaklah menyelia bagi menentukan kerja-kerja dilaksanakan dengan sempurna. Kontraktor dibenarkan menambah tenaga pekerja mengikut pertimbangannya tetapi tiada penambahan harga akan dibuat pada kontrak asal.

- 7.11 Kontraktor hendaklah menyediakan peralatan yang sesuai bagi melaksanakan kerja. Penggunaan peralatan atau mesin selain dari yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa tidak dibenarkan. Peralatan atau mesin tersebut hendaklah dihantar kepada Pegawai Penguasa untuk diperiksa dan diuji sebelum dibenarkan penggunaannya. (Jika dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Penguasa).
- 7.12 Kontraktor hendaklah sentiasa mematuhi arahan dari Pegawai Penguasa atau wakilnya semasa melakukan kerja.
- 7.13 Kontraktor dikehendaki menyelenggara longkang dan saluran-saluran air yang tersumbat. Bantuan Pegawai Penguasa hanya akan diberikan setelah dipertimbangkan dan difikirkan perlu sahaja.
- 7.14 Kontraktor hendaklah **memastikan kawasan** bangunan di dalam keadaan yang **bersih dan sempurna** dari segala peralatan, mesin dan lain-lain sebelum meninggalkan bangunan **pada tiap-tiap hari** tamat bekerja.
- 7.15 Tatacara kerja seperti berikut hendaklah dipatuhi dengan sempurna.

(a) **Am**

Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas kesempurnaan penjagaan, penggantian dan memindahkan semua bunga-bunga, pokok-pokok, tumbuhan, rumput, lanskap, kebersihan, dan longkang-longkang yang berada di tapak kerja.

(b) **Penjagaan**

- i. Penggunaan kayu pemancang hendaklah kuat dan teguh bagi menampung beban selepas hujan atau angin kencang. Pokok-pokok yang diikatkan pada pemancang hendaklah kukuh.
- ii. Kontraktor secara amnya mestilah melindungi supaya kawasan *turf* dan tanaman lain tidak rosak kerana perbuatan yang tidak bertanggungjawab atau kecuaiian. Kontraktor dikehendaki membiayai segala perbelanjaan untuk pagar-pagar sementara yang diperlukan untuk melindungi kawasan yang baru bertanam sehingga cukup subur dan segar.
- iii. Kontraktor dikehendaki mengganti pokok-pokok yang mati dengan pokok yang baru dan bersesuaian di kawasan taman dan di dalam pasu dan juga kawasan-kawasan yang dikehendaki oleh Pegawai Penguasa. Kos bagi penggantian dan pembekalan pokok-pokok di dalam pasu tersebut adalah termasuk di dalam harga penyelenggaraan bulanan.

- iv. Sekiranya terdapat pertambahan atau penanaman pokok-pokok baru di kawasan tapak kerja semasa dalam tempoh kontrak, kontraktor dikehendaki menyelenggara pokok-pokok tersebut seperti biasa. Tiada penambahan kos akan dibuat bagi menyelenggara pokok-pokok tersebut dan ia perlu dimasukkan ke dalam harga penyelenggaraan bulanan.

(c) **Penggantian**

- i. Semua pokok (pokok utama, pokok renik dan penutup bumi) yang mati, tidak subur dan tidak sihat hendaklah diberitahu serta merta kepada Pegawai Penguasa.
- ii. Semua pokok (pokok utama, pokok renik dan penutup bumi) yang akan diganti hendaklah mendapat persetujuan daripada Pegawai Penguasa dengan kadar harga yang telah dipersetujui.
- iii. Kawasan yang telah keras dan kompek (padat) hendaklah diberitahu serta merta kepada Pegawai Penguasa.
- iv. Kawasan tanah yang telah keras dan padat yang perlu digantikan dengan '*top soil*' yang baru hendaklah mendapat persetujuan daripada Pegawai Penguasa dengan kadar harga yang telah dipersetujui.

(d) **Membaja**

- i. Pembajaan hendaklah dijalankan sebulan sekali atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.
- ii. Gunakan baja yang sesuai untuk semua pokok-pokok utama, renik, penutup bumi dan pokok pemanjat. Baja mestilah dalam bentuk kering atau air. Sistem saliran perlulah dibaiki sebelum sebarang kerja pembajaan boleh dilakukan.
- iii. Baja-baja mestilah ditaburkan dengan rata diatas kawasan sistem akar dan digaulkan perlahan-lahan dengan tanah permukaan.
- iv. Pembajaan perlulah berhati-hati supaya tidak merosakkan atau melecurkan daun-daun atau batang-batang dengan memastikan yang baja tadi tidak terkena bahagian-bahagian tersebut.

- v. Bagi pokok-pokok berbunga, baja yang sesuai adalah seperti N.P.K. 13:10:21 dan bagi pokok-pokok hijau, baja yang sesuai adalah seperti N.P.K. 15:15:15 atau baja organik (pallet). Baja organik bolehlah diselang-selikan 3 bulan sekali di antara penggunaan baja kimia.

(e) **Merumput Dan Menggembur**

- i. Kerja-kerja merumput dan menggembur perlu dijalankan dipangkal pokok tanaman dengan jejari 1.5' – 2' keliling atau seperti diarahkan oleh Pegawai penguasa.
- ii. Rumput perlu dibuang ketika ianya masih baru dan gunakan peralatan tangan bila menjalankan kerja-kerja merumput.
- iii. Bahan-bahan buangan daripada merumput tadi hendaklah dibuang supaya memastikan yang tapak sentiasa berkeadaan bersih.
- iv. Merumput Dan Menggembur Pokok Besar; Merumput dan menggembur hendaklah dijalankan sebulan sekali atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.
- v. Merumput Dan Menggembur Pokok Renik; Merumput dan menggembur hendaklah dijalankan 2 minggu sekali atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.

(f) **Penyiraman**

- i. Penyiraman hendaklah dijalankan setiap hari pada pagi dan petang atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Pada hari hujan, penyiraman bolehlah dikecualikan selagi ia mencukupi bagi semua tanaman. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.
- ii. Penyiraman hendaklah menggunakan peralatan yang sesuai. Sekiranya tidak terdapat sumber air di sesuatu kawasan, kontraktor adalah dikehendaki mencari kaedah lain bagi melakukan penyiraman. Tiada sebarang tuntutan perbelanjaan tambahan dibenarkan.

(g) **Meracun Serangga**

- i. Penyemburan racun serangga hendaklah dijalankan apabila perlu atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.
- ii. Penyemburan mesti dilakukan pada hari panas kerana hari hujan tidak akan memberi kesan kepada serangga-serangga. Peralatan penyemburan yang sesuai hendaklah digunakan semasa kerja-kerja dijalankan.
- iii. Racun serangga yang boleh digunakan adalah yang telah diluluskan dan dibenarkan sahaja. Kontraktor mestilah mengikut arahan dengan teliti seperti yang tertera di label botol.
- iv. Pemeriksaan yang kerap perlulah dibuat supaya serangga-serangga dapat dikawal.
- v. Elakkan dari menggunakan satu jenis racun serangga sahaja tiap-tiap kali menyembur kerana ini tidak akan mendatangkan kesan yang baik bagi membunuh serangga-serangga.

vi. **Serangga-serangga**

Siput dapat dielakkan dengan racun serangga yang ditaburkan dikeliling pokok yang diserang.

Semut-semut hendaklah dikawal dengan menaburkan racun serangga didalam bentuk serbuk disekeliling tanaman. Semut putih boleh dikawal semasa proses menanam pokok.

Racun serangga hendaklah ditaburkan kedalam lubang tanaman agar akar-akar tanaman tidak diserang serangga perosak.

(h) **Mencantas Pokok**

- i. Gunakan peralatan yang sesuai bagi kerja cantasan. Cantasan hanya dilakukan jika pokok-pokok telah tumbuh elok dan subur dan daun telah rimbun.
- ii. Cantasan perlu untuk membentuk pokok mengikut bentuk yang dikehendaki oleh Pegawai Penguasa. Pokok perlu dicantas supaya sihat dengan membuang semua dahan yang mati, rosak, diserang penyakit dan lain-lain.

- iii. Pokok yang tumbuh tidak kemas atau tumbuh menghalang perlulah dicantas. Walaubagaimanapun rupa bentuknya seharusnya dikekalkan dalam bentuk asli. Dahan yang dicantas dengan tidak cermat, hendaklah dikemaskan semula. Potongan pada dahan-dahan utama perlulah disapu dengan 'sealant' yang diluluskan.
- iv. Cantasan ringan akan menggalakkan tumbuhan tunas-tunas baru dan cantasan berat menggalakkan pula pucuk dan merimbunkan lagi tumbuhan.
- v. **Mencantas Pokok Pagaran/renik**

Cantasan hendaklah dijalankan sebulan sekali atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.

Pokok-pokok renik yang baru ditanam semula mestilah dibuat cantasan pada dahan-dahan yang kering. Pokok renik hendaklah dicantas apabila tumbuh tinggi daripada pokok-pokok utama dan merosakkan harmoni komposisi.

Tanaman penutup bumi hendaklah dicantas supaya sihat dan kemas disamping memastikan daripada menutupi tanaman-tanaman lain.

(i) **Pembersihan Kawasan/Menyapu**

- i. Pembersihan dan menyapu hendaklah dijalankan setiap hari atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.
- ii. Kontraktor hendaklah sentiasa membuat kerja-kerja pembersihan dan pembuangan sampah disekitar batas tanaman, pokok, kawasan 'hard lanscape' semua tempat duduk, kawasan berturap, laluan pejalan kaki dan lain-lain.
- iii. Tempat membuang sampah mestilah dijaga agar berada didalam keadaan yang baik dan hendaklah dimaklumkan kepada Pegawai Penguasa sekiranya rosak. Pembuangan sampah adalah dari kawasan penanaman termasuk juga pembuangan beg-beg plastik, tin/kotak minuman, kertas-kertas, kayu-kayu dan lain-lain.
- iv. Sampah sarap dari pokok utama dan pokok renik yang jatuh keatas kawasan berturap atau kawasan lain hendaklah disapu dan boleh dikembalikan kebatas tanaman untuk menjadikannya kompos.

- v. Selepas kerja-kerja pembersihan kawasan, kontraktor dikehendaki memasukkan segala sampah, rumput-rumput dan dedaun ke dalam beg plastik dan dibawa keluar dari kawasan kerja dan membuangkannya di tempat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(j) **Mencuci Longkang**

- i. Pencucian longkang hendaklah dijalankan sebulan sekali atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.
- ii. Pembersihan longkang-longkang dari sampah sarap, tanah dan sebarang tumbuhan hendaklah menggunakan peralatan yang berkesan dan sesuai.
- iii. Selepas kerja-kerja pembersihan kawasan, kontraktor dikehendaki memasukkan segala sampah, rumput-rumput dan dedaun ke dalam beg plastik dan dibawa keluar dari kawasan kerja dan membuangkannya di tempat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(k) **Memotong Rumput**

- i. Pemotongan rumput hendaklah dijalankan 2 kali sebulan atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.
- ii. Rumput dan belukar dikedua-dua belah pagar hendaklah dipotong dan diracun disekeliling pagar.
- iii. Serpihan rumput yang jatuh kedalam longkang, kaki lima dan lain-lain tempat hendaklah dibersihkan dengan sempurna.
- iv. Selepas kerja-kerja pembersihan kawasan, kontraktor dikehendaki memasukkan segala sampah, rumput-rumput dan dedaun kedalam beg plastik dan dibawa keluar dari kawasan kerja dan membuangkannya ditempat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(l) **Penyelenggaraan Bangunan**

- i. Menjaga kebersihan persekitaran binaan bangunan supaya kelihatan bersih daripada rumput dan kulat.
- ii. Menjaga kebersihan alatan elektrik yang terdapat pada bangunan tersebut.

- iii. Menjaga kebersihan bangunan tandas iaitu dari segi kebersihan lantai, dinding, siling, pintu dan sebagainya.
- iv. Melaporkan sebarang kerosakan kepada Pegawai Penguasa dengan kadar segera.

7.16 Berikut disertakan jadual spesifikasi dan kekerapan kerja yang perlu dipatuhi :-

BIL	KAWASAN/TEMPAT	SPESIFIKASI	KEKERAPAN
1	Penyelenggaraan Lantai-lantai (Semua Kawasan)	Sapu sampah sarap, pasir-pasir halus, habuk-habuk dan lain-lain benda asing.	1 x Sehari dan bila perlu
2	Simen	Mop dengan bahan kimia yang sesuai untuk membersihkan segala kesan kekotoran yang ada.	2 x Seminggu dan bila perlu
3	Penyelenggaraan pejabat-pejabat (Semua pejabat)	Membuang habuk yang terdapat pada perabot dan peralatan	1 x Sehari dan bila perlu
4	Perabot-perabot (Meja, Almari dll)	Lap bersih permukaan perabot dengan bahan kimia yang sesuai.	1 x Sehari dan bila perlu
5	Bakul sampah dan lain-lain bekas.	Kosongkan bakul sampah dan dialas dengan karung plastik.	Harian dan bila perlu
6	Telefon	Lap dan bersihkan kesan-kesan jari, minyak-minyak, habuk-habuk dan lain-lain kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai dan selamat.	1 x Sehari dan bila perlu
7	Hiasan Dinding (Ayat-ayat, jam dll)	Bersihkan habuk-habuk, sawang-sawang dan lain-lain benda asing secara lembab dengan bahan kimia yang sesuai.	2 x Seminggu dan bila perlu
8	Penyelenggaraan Dewan-dewan	Lap bersih permukaan meja, almari dan lain-lain perabot dengan bahan kimia yang sesuai.	1 x Sehari dan bila perlu
9	Perabut-perabut (Meja, Almari Kerusi dll)	Lap bersih kerusi-kerusi dan disusun mengikut keperluannya supaya siap sedia untuk digunakan.	1 x Sehari dan bila perlu

BIL	KAWASAN/TEMPAT	SPESIFIKASI	KEKERAPAN
10	Sofa-sofa dan setti	Vakum untuk membersihkan habuk-habuk dan lain-lain benda asing. 'spot Cleaning' dengan bahan kimia yang sesuai untuk menghilangkan kotoran yang degil. Shampoo dengan kaedah UP-holdstrey atau dengan lain-lain kaedah yang sesuai.	1 x Sehari dan bila perlu 1 x Sebulan
11	Hiasan Dinding (Gambar, ayat-ayat dll)	Bersihkan habuk-habuk, sawang-sawang dan lain-lain benda asing secara dilap lembab dengan bahan kimia yang sesuai.	2 x Seminggu dan bila perlu
12	Penyelenggaraan Bilik Pantry dan Bilik makan	Lap bersih permukaan meja, almari dan lain-lain perabot dengan bahan kimia yang sesuai.	1 x Sehari dan bila perlu
13	Perabut-perabut (Meja, Almari Kerusi dll)	Lap bersih kerusi-kerusi dan disusun mengikut keperluannya supaya siap sedia untuk digunakan.	1 x Sehari dan bila perlu
14	Lantai	Vakum untuk membersihkan habuk-habuk dan lain-lain benda asing. 'spot Cleaning' dengan bahan kimia yang sesuai untuk menghilangkan kotoran yang degil. Mop bersih lantai dengan bahan kimia yang sesuai.	1 x Sehari dan bila perlu Harian dan jika perlu
15	Sinki	Cuci dan diberus dengan bahan kimia yang sesuai untuk membersihkan kesan kotoran yang ada dan di lap sehingga kering.	Harian dan jika perlu
16	Pintu-pintu/Sesekat /Kabinet	Bersihkan sawang dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai. Lap bersih dengan bahan kimia yang sesuai untuk menanggalkan daki-daki, kesan-kesan hitam dan lain-lain kesan kotoran yang ada serta dikeringkan.	1 x Sehari dan bila perlu 1 x Sehari dan bila perlu
17	Tong sampah	Pastikan di kosongkan, dibersihkan serta dicuci dan diletakkan plastik.	Harian dan jika perlu
18	Penyelenggaraan Tandas (Lelaki/Perempuan)	Cuci secara diberus dengan bahan kimia yang sesuai untuk membersihkan kesan-kesan kuning dan lain-lain kesan kotoran yang ada dan dikeringkan	3 x Sehari dan bila perlu
19	Lantai tile-Lantai getah	Menentukan saluran air di sinki-sinki berjalan lancar dan tidak tersumbat.	1 x Sehari dan bila perlu

BIL	KAWASAN/TEMPAT	SPESIFIKASI	KEKERAPAN
20	Dinding, Siling dan Lampu	Bersihkan habuk-habuk dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai.	1 x Sehari dan bila perlu
21	Pintu-pintu/Sesekat /Kabinet	Bersihkan sawang dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai. Lap bersih dengan bahan kimia yang sesuai untuk menanggalkan daki-daki, kesan-kesan hitam dan lain-lain kesan kotoran yang ada serta dikeringkan.	1 x Sehari dan bila perlu 1 x Sehari dan bila perlu
22	Sinki dan Cermin muka	Cuci dan diberus dengan bahan kimia yang sesuai untuk membersihkan kesan kotoran yang ada dan di lap sehingga kering.	1 x Sehari dan bila perlu
23	Tisu	Pastikan bekalan kertas tisu sentiasa mencukupi. (Diletakkan di setiap bekas tisu yang disediakan)	Harian dan bila perlu
24	Sabun dan pewangi	Pastikan bahan pencuci dan pewangi ini mencukupi dan berada di dalam keadaan bersih dan selamat digunakan.	Harian dan jika perlu
25	Bakul sampah	Pastikan di kosongkan, dibersihkan serta dicuci dan diletakkan plastik.	Harian dan bila perlu
26	Flush	Lap sehingga bersih dan kilat serta hilang segala kotoran.	Harian dan jika perlu
27	Penyelenggaraan Tempat wuduk	Vakum untuk membersihkan habuk-habuk dan lain-lain benda asing "Spot Cleaning" dengan bahan-bahan kimia yang sesuai untuk menanggalkan kesan kotoran.	2 x Sehari dan bila perlu
28	Permaidani	Shampoo permukaan lantai dengan kaedah " Hot Water Extration' atau dengan lain-lain kaedah yang sesuai.	1 x 3 bulan
29	Lantai tile	Cuci secara diberus dengan bahan kimia yang sesuai untuk membersihkan kesan-kesan kuning dan lain-lain kesan kotoran yang ada dan dikeringkan Menentukan saluran air di tempat wuduk berjalan lancar dan tidak tersumbat.	2 x Sehari dan bila perlu 1 x Sehari dan bila perlu

BIL	KAWASAN/TEMPAT	SPESIFIKASI	KEKERAPAN
30	Dinding, Siling dan Lampu	Bersihkan habuk-habuk dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai.	1 x Sehari dan bila perlu
31	Bakul sampah	Pastikan di kosongkan, dibersihkan serta dicuci dan diletakkan plastik.	Harian dan bila perlu
32	Alatan Elektrik Alat pemadam api	Bersihkan segala habuk-habuk dan lain-lain benda asing secara dilap lembab dengan bahan kimia yang sesuai.	2 x Seminggu
33	Alat penghawa dingin (Pembahagi angin 'defuser')	Membersihkan segala habuk-habuk yang melekat pada kelengkapan penghawa dingin tersebut.	1 x Sebulan
34	Lampu-lampu	Bersihkan lampu-lampu dari segala sawang-sawang, habuk-habuk dan lain-lain kesan kotoran yang ada.	1 x Seminggu dan bila perlu
35	Kipas Angin	Bersihkan habuk-habuk, debu-debu dan lain-lain kotoran yang ada secara dilap dengan bahan kimia yang sesuai.	1 x Seminggu dan bila perlu
36	Pencucian dan Pembersihan Am. Longkang (Dalam dan luar bangunan)	Sapu sampah –sarap, pasir-pasir halus dan lain-lain benda asing supaya pengaliran airnya berjalan lancar. Bersihkan secara pancutan air dengan mesin 'High Pressure Water Jet' untuk menghilangkan pasir-pasir halus dan lumut.	1 x Sehari dan bila perlu 1 x Seminggu dan bila perlu
37	Tikar Pengesat Kaki (Door Mat)	Sapu atau vakum untuk membersihkan pasir-pasir, debu-debu dan lain-lain benda asing. Basuh dengan bahan kimia yang sesuai untuk menghilangkan habuk-habuk, debu-debu dan lain-lain kotoran yang ada. Jika perlu mesin High Pressure Water Jet akan digunakan.	Harian dan bila perlu 1 x Sebulan
38	Pintu-pintu dan Gril pintu	Lap lembab dengan bahan kimia yang sesuai untuk menghilangkan daki-daki hitam, habuk-habuk dan lain-lain kotoran yang ada dan dikeringkan.	1 x seminggu dan bila perlu
39	Dinding kaca (dalaman)	Bersihkan dari segala habuk-habuk dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia dan peralatan yang sesuai.	2 x Seminggu dan jika perlu.

BIL	KAWASAN/TEMPAT	SPESIFIKASI	KEKERAPAN
40	Dinding Kaca (Luaran)	Bersihkan dari segala habuk-habuk dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia dan peralatan yang sesuai. Kontraktor dikehendaki menggunakan Crane atau Skylift yang bersesuaian atau menggunakan Gondola dan segala kos peralatan, pekerja dan sebagainya hendaklah dimasukkan ke dalam borang sebutharga	1 x Setahun
41	Dinding Tile/Simen	Bersihkan segala kesan kotoran yang terdapat di dinding tanpa menjejaskan cat/warna asalnya.	1 x seminggu dan jika perlu
42	Tiang-tiang	Bersihkan tiang-tiang dari segala habuk-habuk, najis-najis siput dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai.	Harian dan bila perlu
43	Tangga-tangga/ Pemegang Tangan	Sapu sampah sarap, pasir-pasir halus dan lain-lain benda asing. Mop bersih dengan bahan kimia yang sesuai untuk menanggalkan segala kesan kotoran yang ada. Bersihkan pemegang tangan dari segala habuk-habuk dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai.	Harian 3 x Seminggu dan bila perlu 2 x Seminggu
44	Siling	Bersihkan sawang-sawang dan lain-lain benda asing yang terdapat pada siling-siling.	2 x Seminggu dan bila perlu
45	Papan tanda	Bersihkan segala habuk-habuk dan lain-lain benda asing secara dilap lembab dengan bahan kimia yang sesuai.	2 x Seminggu
46	Paip-paip (saluran)	Bersihkan paip-paip dari segala habuk-habuk, debu-debu dan lain-lain benda asing yang ada.	3 x Sebulan dan bila perlu
47	Tong sampah (Steel)	Kosongkan tong sampah dan dialas dengan karung plastik. Cuci tong sampah dengan bahan kimia yang sesuai untuk menanggalkan segala kesan kotoran yang ada.	2 x Sehari dan bila perlu 1 x Seminggu

BIL	KAWASAN/TEMPAT	SPESIFIKASI	KEKERAPAN
48	Rumah Sampah	<p>Bersihkan rumah sampah dan menentukan semua sampah-sampah yang terkumpul dimasukkan ke dalam tong yang disediakan. Pastikan dikosongkan setelah rumah sampah ini penuh.</p> <p>Bersihkan lantai secara di 'scrub' dengan mesin scrubbing atau dengan pancutan air dengan ' High Pressure Water Jet'.</p>	<p>Harian dan bila perlu</p> <p>1 x Seminggu dan bila perlu</p>
49	Rumah Pengawal	Pencucian dan pembersihan rumah pengawal adalah sama seperti peyelenggaraan pejabat di Para 2.	2 x Sehari dan bila perlu
50	Tempat meletak kenderaan	Bersihkan dengan cara disapu dan pastikan tiada sampah-sarap berada dikawasan ini.	Harian dan bila perlu